

Penyerapan Ilmu Dan Nilai Dalam Pembelajaran Dan Pemudah Cara (PdPc) Bahasa Melayu Mewujudkan Penyatupaduan Nasional: Pandangan Guru Di Negeri Selangor

Mohd Khaidir bin Abdul Wahab (PhD)
mohdkhaidir@usm.my
Universiti Sains Malaysia

ABSTRAK

Dalam usaha penyatupaduan nasional bahasa Melayu merupakan wahana yang penting dalam penyaluran ilmu dan nilai dari satu generasi ke generasi yang lain. Justeru itu, pembelajaran dan pemudah cara (PdPc) bahasa Melayu tidak seharusnya hanya menitikberatkan penguasaan sistem bahasa dan kemahiran bahasa sebaliknya menyuburkan tradisi pemikiran dan budaya ilmu di sekolah dengan menghidupkan perdebatan yang sihat dan ilmiah dalam meninggikan lagi martabat sistem pendidikan negara. Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk meninjau keperluan penyerapan ilmu dan nilai dalam pembelajaran dan pemudah cara (PdPc) bahasa Melayu. Pengumpulan data dijalankan melalui kaedah tinjauan menggunakan soal selidik ke atas 200 orang peserta kajian yang meliputi guru Bahasa Melayu yang mengajar di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK), Sekolah Kebangsaan (SK), Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) di negeri Selangor. Analisis data dibahagikan kepada 4 tema utama, iaitu: (1) Persepsi guru tentang penyerapan ilmu dan nilai dalam pendidikan Bahasa Melayu, (2) Persepsi guru terhadap konsep penyatupaduan Nasional dalam hubungannya dengan pendidikan Bahasa Melayu, (3) Tahap kemahiran guru apabila berlakunya aspek penyerapan ilmu dan nilai dalam PdPc Bahasa Melayu, dan (4) Tahap penerimaan guru terhadap penyerapan ilmu dan nilai dalam PdPc Bahasa Melayu sebagai strategi penyatupaduan Nasional. Dapatan kajian daripada pelaksana pendidikan iaitu guru Bahasa Melayu di negeri Selangor ini amat penting kepada pembuat dasar dalam memastikan PdPc bahasa Melayu di sekolah mampu membina sahsiah dan keperibadian Malaysia dalam kalangan murid-murid pelbagai kaum.

Kata kunci: Penyerapan; Ilmu dan Nilai; Bahasa Melayu; Penyatupaduan Nasional; Guru

ABSTRACT

In order for national integration Malay language is an important vehicle in the transmission of knowledge and values from one generation to another. Therefore, learning and facilitator (PdPc) of the Malay language should not just focus on the mastery of the language system and language skills rather nourishing cultural tradition of thought and science in school by turning a healthy debate and raise the prestige of science in the education system. Therefore, this study aimed to review the needs and the absorption of knowledge in learning and facilitator (PdPc)

language. The data collection was carried out through survey method using questionnaire on 200 participants of the study which included teachers in Bahasa Melayu who taught at. (SJKC) and Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) in the state of Selangor. Data analysis is divided into four main themes, namely: (1) Teacher perception about the concept of knowledge and value in Malay language education, (2) Teacher perceptions on the concept of national integration in relation to Malay language education, (3) the absorption of knowledge and values in Malay Language PdPc, and (4) The level of acceptance of teachers towards the absorption of knowledge and values in Malay Language PdPc as a national unified strategy. The findings from the education implementers namely the Malay Language teachers in Selangor are important to policy makers in ensuring the Malay Language PdPc in schools is able to build the personality and personality of Malaysia among the multi-racial students.

Keywords: Absorption; Science and Values; Malay language; National Integration; Teacher

Received: 10 June 2018

Accepted: 28 June 2018

Online Published: 30 June 2018